

08/10/1999

Kapal perang terbesar Amerika sertai Lima '99

LANGKAWI, Khamis - Amerika Syarikat (AS) mengesahkan akan menghantar kapal perang terbesarnya untuk Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '99) mulai 30 November hingga 5 Disember ini.

Kapal sepanjang kira-kira 178 meter yang boleh menampung 500 anak kapal itu adalah antara 33 kapal dari lapan negara yang mengesahkan menyertai segmen maritim di Tanjung Malai di sini setakat ini.

Setiausaha Jawatankuasa kerja Maritim Lima 1999, Left Komander Jumali Jabon berkata, kapal AS itu dilengkapi peralatan canggih termasuk peluru berpandu antiudara dan permukaan laut.

Katanya, selain kapal perang AS itu, turut serta ialah kapal perang Perancis, Thailand, Filipina, Pakistan, Singapura, Britain dan India.

"Sebanyak 28 negara dijemput untuk mengambil bahagian dalam segmen maritim itu dan penganjur berharap lebih banyak negara akan memberi jawapan untuk mengambil bahagian bagi memeriahkan pameran dua tahun sekali ini.

"Pengunjung ke Lima '99 pasti kagum dengan kehebatan kapal itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat penyelarasan persiapan acara sampingan sempena Lima '99 di sini, hari ini.

Sebanyak 20 kapal dari Malaysia termasuk dua kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang baru tiba dari Itali, dan sebuah lagi dari United Kingdom yang akan tiba tidak lama lagi, juga akan menyertai Lima '99.

Empat kapal mewah dari luar negara akan menyertai Lima '99 yang turut menambah dua tapak pameran bagi segmen maritim menjadikan jumlah semuanya, empat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan segmen maritim.

Sementara itu, Langkawi akan bermandi cahaya sepanjang berlangsungnya Lima '99 apabila pertandingan pencahayaan bagi semua bangunan kerajaan dan swasta diadakan, anjuran Majlis Daerah Langkawi (MDL).

Timbalan Yang Dipertuanya, Mansor Ismail berkata, pertandingan itu bertujuan mewujudkan suasana indah sebelah malam dengan hiasan lampu berwarna-warni.

Menurutnya, borang penyertaan boleh didapati di pejabat MDL mulai hari ini hingga 30 Oktober ini.

(END)